

MAHATHIR - UBAH

1984

BELAGA (SARAWAK), 11 SEPT. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI YAKIN SEMUA RAKYAT MALAYSIA AKAN MENJADI ORANG YANG BERJAYADAN MEMPUNYAI TSRAF KEHIDUPAN YANG TINGGI JIKA MEREKA BERSEDIA MENGUBAH CARAHI DUP MEREKA.

PERDANA MENTERI EERKATA MEREKA BOLEH MENCAPAI TAHAP KEJAYAAN ITU TANPA MELENYAPKAN ADAT RESAM DAN KEBUDAYAAN YANG DIPUSAKA DARI NENEK MOY ANG MEREKA.

IKITAMESTI SANGGUP MENGUBAH CARA HIDUP KITA TETAPI PROSES INI TIDAK BERMAKNA KITA TIDAK BOLEH MENGEKALKAN PAKAIAN ASLI, KEBUDAYAAN DAN ADAT RESAM KITA, + TAMBAHNYA SEMASA BERUCAP KEPADA KIRA-KIRA 600 ORANG SUKU KAUM ORANG ULU YANG MERAIKANNYADALAM SATU JAMUAN MAKAN MALAM TADI DI RUMAH PANJANG UMA BAWANG, LONG MURUM, KIRA-KIRA 15 MINIT PENERBANGAN HELIKOPTER DARI SINI.

SUKU KAUM ITU DATANG DARI EEBERAPA CUAH RUMAH PANJANG DI SEKITAR BELAGA UNTUK MENEMUI PERDANA MENTERI YANG TELAH BERMALAM DI RUMAH PANJANG 45 PINTU YANG DIDIAMI OLEH 350 ORANG SUKU KAUM KAYAN.

SELARAS DENGAN HASRAT KERAJAAN UNTUK MENUKAR CARA HIDUP RAKYAT DR. MAHATHIR MAHURUMAH-RUMAH PANJANG DIBINA DENGAN KEADAAN SELESA SERTA LENGKAP DENGAN SEGALA KEMUDAHAN DAN BUKAN SAHAJA ELEKTRIK DAN AIR SEPerti SEKARANG.

-- LAGI

MAHATHIR - UBAH 2 BELAGA

+ SAYA BANGGA KERANA PERUBAHAN KETARA SEKALI DI RUMAH-RUMAH PANJANG YANG DULUNYATIDAK MEMPUNYAI ELEKTRIK DAN KEMUDAHAN LAIN.

+ TETAPI TIDAK ADA SEBAB KENAPA RUMAH PANJANG TIDAK BOLEH DIBINA DALAM KEADAAN LEBIH SELESA DAN CANTIK DENGAN PELUANG-PELUANG PEKERJAAN DI TEMPAT TERTENTU. +

PERDANA MENTERI TELAH MENGARAHKAN MENTERI TENAGA, TELEKOM DAN POS, DATUK LEO MOGGIE YANG HADIR SAMADI UPACARA ITU, SUPAYA MEMBERI PERHATIAN KEPADA SYOR PARA PENDUDUK AGAR RANCANGAN TELEVISYEN DAPAT DIPANCARKAN KE DAERAH ITU.

SEMPENA LAWATAN ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGUMUNKAN PEMBERIAN \$200,000 DARIPADA KERAJAAN PERSEKUTUAN UNTUK MELAKSANAKAN PROJEK-PROJEK KECIL BAGI RUMAH PANJANG UMA BAWANG, LONG MURUM.

BELIAU MEMBERS JAMINAN KERAJAAN MEMANG BERHASRAT UNTUK MEMBERIKAN PEMBANGUNAN KEPADA SEMUA PENDUDUK TETAPI, KATANYA, IA TIDAK DAPAT DIJALANKAN JIKA RAKYAT ENGGAN MENERIMA PERUBAHAN.

+ KERAJAAN BOLEH MENGADAKAN PERUNTUKAN WANG UNTUK FAEDAH RAKYAT TETAPI SOALNYA IALAH SAMADA RAKYAT SANGGUP MENYERTAI SEGALA RANCANGAN YANG DIJALANKAN.

+ JIKA RAKYAT TIDAK MAHUKAN PERUBAHAN MAKA SUDAH TENTU MEREKA TIDAK AKAN MENCAPAI KEMAJUAN, + TAMBAHNYA -- BERNAMA